

No. Ruj: MKL-200/7/4/5 Jld. 18 (87)

Tarikh: 5 Ogos 2026

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

HEBAHAN KAJI SELIDIK KEPUASAN PELANGGAN BAGI PENGURUSAN FASILITI BANGUNAN MAHKAMAH KUALA LUMPUR BAGI BULAN OGOS 2026.

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Utusan Teguh Sdn Bhd (UTSB) adalah kontraktor yang dilantik sebagai Pengurus Fasiliti di kompleks ini mulai 16 Januari 2024 hingga 15 Januari 2027. Untuk makluman juga, pihak kontraktor UTSB akan memberikan perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan kerosakan di dalam bangunan MKL sepanjang tempoh kontrak seperti di bawah:-

MEKANIKAL	SIVIL	ELEKTRIKAL
Penyaman Udara Jenis VRV	Penyelenggaraan Tandas	Sistem Pencahayaan
<i>Chiller</i>	<i>Grease Trap</i>	Sistem Kad Akses
Pemadam Api CO2/ABC	Sistem Perpaipan	<i>Boom Gate</i>
Sistem Pencegah Kebakaran	Siling	Sistem Nombor Giliran (QMS)
Sistem Lif	<i>Built In Furniture</i>	Projektor
Sistem Pam	<i>Sewage Treatment Plant (STP)</i>	Sistem Siaraya

3. Sehubungan itu, dipohon kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk **memberikan maklumbalas terhadap kualiti perkhidmatan pengurusan fasiliti di MKL** melalui pautan web <https://forms.gle/b92Yo6JxZdPWHqAr9> atau scan QR Code seperti yang **tertera di bawah** bagi tinjauan kepuasan pelanggan.

4. Tempoh pengisian borang kaji selidik ini adalah **mulai 3 Ogos 2026 (Isnin) hingga 28 Ogos 2026 (Jumaat)**. Segala kerjasama dan maklumbalas YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.



Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Unit Pembangunan & Penyelenggaraan

Bahagian Pengurusan

b.p. Pengarah

Mahkamah Kuala Lumpur